

**SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI**  
SCHOOL OF BUSINESS AND ECONOMICS

Rujukan Kami : UPM.SPE.700-4/3/1  
Tarikh : 22 Ogos 2022

## PEMBERITAHUAN

Semua Pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Universiti Putra Malaysia

Adalah dimaklumkan bahawa Hebahan UPM mengenai aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) Semester Pertama 2022/2023 (e-Hebahan Putra bertarikh 1 Ogos 2022) adalah dirujuk. Pada dasarnya semua pelajar dikehendaki kembali ke kampus pada Semester Pertama 2022/2023.

Sehubungan itu, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) akan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hibrid sehingga minggu ke 7. Semua pelajar tempatan dan antarabangsa yang berada di Malaysia perlu hadir PdP secara fizikal bermula daripada Minggu 1 hingga Minggu 7. PdP secara dalam talian hanya terpakai untuk pelajar antarabangsa yang berada di negara masing-masing.

Walau bagaimanapun, bermula dari Minggu 8 dan seterusnya, PdP hanya akan diadakan secara fizikal. Memandangkan semua aktiviti di kelas dijalankan secara bersemuka, ia akan memberi kesan yang serius ke atas "carry mark" pelajar yang tidak hadir ke kelas. Oleh itu, pelajar yang tidak dapat mengikuti PdP secara fizikal dinasihatkan untuk mengugurkan kursus tersebut atau menangguhkan pengajian.

Sekian, untuk makluman.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. MADYA DR. BANI ARIFFIN AMIN NOORDIN**  
Dekan  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Universiti Putra Malaysia